

Headline	TNB, YTL masih berisiko		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	13 Jul 2019	Readership	322,827
Circulation	107,609	Page No	37
Section	Ekonomi	Journalist	BILA YASMIN
ArticleSize	408 cm ²		
PR Value	RM 24,192		



Kesan daripada liberalisasi sektor tenaga

TNB, YTL masih berisiko

Oleh NABILA YASMIN RAZIB
 ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 JULAI

TENAGA Nasional Bhd. (TNB) dijangka berdepan dengan risiko akibat liberalisasi sektor tenaga manakala YTL Power International Bhd. (YTL Power) pula akan terus terjejas ekoran isu PowerSeraya Ltd. dan iBestariNet.

Penganalisis HLBI Research, Daniel Wong berkata, TNB akan kekal neutral dari turun naik harga bahan api di bawah pelepasan kos kepada pengguna akhir di bawah Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) semenjak permintaan elektrik akan kekal sihat di luar perubahan bersih dalam tarif elektrik.

Beliau berkata, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) kini sedang mengkaji cadangan sama ada ingin membenarkan pembekal tenaga untuk memasuki pas-

ran bagi membolehkan pengguna memilih pembekal yang lain selain daripada TNB, sekali gus mempromosikan tarif yang lebih efektif dan kompetitif.

"Bagaimanapun, liberalisasi pasaran tenaga runcit tidak akan menimbulkan risiko pendapatan kepada TNB dan kami mengekalkan saranan kekal ke atas TNB dengan harga saranan tidak berubah pada kadar RM13.65 sesaham," katanya dalam nota penyelidikan di sini hari ini.

Sementara itu, HLBI turut mengekalkan saranan kekal ke atas YTL namun dengan saranan harga lebih rendah iaitu 80 sen berbanding 88 sen sebelum ini.

Wong berkata, prestasi anak syarikat milik penuh YTL, PowerSeraya telah menjunjam ke arah kerugian sejak suku pertama tahun ini sekali gus menyebabkan ia bakal kehilangan kontrak peletakan hak kepada 14 peratus daripada 20 peratus oleh kerajaan Singapura.


Katanya, seluruh sektor

tenaga Singapura kini mengalami kerugian terutamanya disebabkan lebihan kapasiti dan ketetapan kontrak 'ambil atau bayar' bagi import gas cair asli (LNG) sehingga 2023.

"Kami bimbang keadaan akan berterusan sehingga 2023 sebelum sebarang tanda pemulihan yang berpotensi," tambah Wong.

Padamasa-sama, Wong berkata, beliau tidak menjangkakan apa-apa hasil yang memuaskan daripada pertengkaran antara YTL Communications Sdn. Bhd. dan kerajaan Malaysia mengenai pembatalan kontrak iBestariNet.

"Kami percaya terdapat kemungkinan rosot nilai dan kerugian yang lebih tinggi dalam tahun kewangan 2020 akibat kehilangan kontrak. YTL Communications mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM28.3 juta dalam sembilan bulan pertama tahun kewangan 2019 dan RM98.8 juta pada tahun kewangan 2018," katanya.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Hong Leong Investment Bank (Hong Leong Investment Bank)	2	0	0
LNG Shipping - MISC (LNG Shipping - MISC)	1	0	0
Ministry of Communications and Information (MCI) (Singapore)	2	0	0
Ministry of Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment (Singapore)	1	0	0
PowerSeraya Ltd (PowerSeraya Ltd)	2	0	0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore Government)	1	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	6	0	0
TNB Special Topic (TNB Special Topic)	2	0	0
YTL Communications Sdn Bhd (YTL Communications Sdn Bhd)	2	0	0